

Selamat Hari Raya Aidilfitri 2019 - 1440 H



Kepada, semua warga Galaxy Aerospace (M) Sdn Bhd.

ASSALAMUALAIKUM,

Kata Imam Al-Ghazali : Yang jauh itu WAKTU, yang dekat itu MATI, yang besar itu NAFSU, yang berat itu AMANAH, yang mudah itu BERBUAT DOSA, yang panjang itu AMAL, SOLEH yang indah itu SALING MEMAAFKAN – Oleh itu, Jabatan Safety ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir & Batin kepada semua warga Galaxy Aerospace di mana jua anda berada. Seterusnya, sedikit peringatan dari ketua Jabatan Safety untuk dilaksanakan dan dikongsi bersama untuk peringatan kita semua.

Sejak dahulu lagi, tradisi pulang ke kampung halaman untuk merayakan Hari Raya Aidilfitri bersama keluarga tersayang tidak akan lupus ditelan zaman, kepada yang akan balik berhari raya di kampung dengan kenderaan sendiri, pastikan kenderaan anda berada dalam keadaan sempurna sebelum memulakan perjalanan. Pandulah dengan cermat dan berhati-hati di samping mengamalkan sikap bertimbang rasa semasa memandu. Anda hendaklah memastikan diri sendiri dalam keadaan baik untuk memulakan pemanduan kerana diatas jalan raya pemandu memainkan peranan yang sangat besar keatas kelancaran diatas jalan raya untuk sampai ke destinasi. Kami mendoakan warga GAM semoga selamat sampai ke destinasi yang dituju untuk menemui ibu bapa dan ahli keluarga yang tercinta dan kembali ke tempat masing-masing setelah cuti hari raya tamat.

Selain itu, Jabatan Safety berharap agar semua warga GAM mengambil sikap bertanggungjawab ke atas bangunan dan asset-aset di bawah jagaan masing-masing, contohnya dengan memastikan semua suis seperti lampu, computer, mesin pencetak dan sebagainya. Manakala dokumen penting dan sulit hendaklah dipastikan diletakkan di tempat yang selamat dan dikunci.

Hal ini demikian, bagi yang bertugas di hari raya nanti, pengorbanan anda amat kami hargai. Semoga pengorbanan anda semua akan dibalas olehNya, dari dedikasi dan komitmen yang telah ditunjukkan. Walaubagaimanapun, kepentingan tentang menjaga dan mematuhi aspek keselamatan dan jaminan kualiti haruslah sentiasa diberi keutamaan semasa bekerja walaupun dalam apapun keadaan.

Sekali lagi, kami dari warga **Jabatan Safety Galaxy Aerospace (M) Sdn Bhd,**

- * *Mohammad Nizam bin Jaafar*
- * *Muhammad Arzat bin Anuar*
- * *Noor Anisah binti Sulaiman*

Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf

Zahir dan Batin kepada semua.

Galaxy Aerospace
maintenance . repair . overhaul

